



Ruj.Kami : PNNS.203(02)6/18 Klt.9 (59)
Tarikh : 24 September 2019

Ketua Jabatan Negeri / Pusat Tanggungjawab Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

YB Dato'/Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN PENYATA PENYESUAIAN BULANAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan Perbendaharaan 143(b) adalah prosedur sedia ada yang menetapkan Penyata Penyesuaian Vot Mengurus, Amanah, Hasil dan Deposit hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan(PNNS). PNNS telah menetapkan tarikh penghantaran penyata penyesuaian di atas adalah pada atau sebelum setiap 14 haribulan berikutnya.

3. Walaubagaimanapun Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan bersetuju memberi pengecualian bagi penghantaran penyata penyesuaian di atas bagi keadaan-keadaan seperti berikut:-

3.1. Bagi akaun yang mempunyai baki tetapi statik atau tidak berubah untuk tempoh 2 bulan berturut-turut, pihak jabatan/PTJ tidak perlu menyediakan penyata penyesuaian. Walau bagaimana pun pihak Jabatan/PTJ perlu mengemukakan surat pemakluman berkenaan kedudukan akaun tersebut. Penyata Penyesuaian perlu disediakan dan dihantar ke PNNS sekiranya terdapat perubahan baki pada bulan berikutnya.

3.2. Sekiranya keadaan yang sama berlaku seperti di perkara 3.1, iaitu baki akaun tersebut berterusan tidak berubah sehingga ke akhir tahun sesuatu tahun kewangan, pihak Jabatan/PTJ perlu menyediakan dan mengemukakan penyata penyesuaian pada 31 Disember sahaja ke PNNS.

3.3. Bagi urusan yang tersilap diakaunkan dan telah diselaraskan kepada kod sebenar dan bakinya adalah 0.00 bagi bulan seterusnya sehingga ke akhir tahun; penyata penyesuaian hanya PERLU disediakan dan dikemukakan pada 31 Disember sahaja ke PNNS.

4. Sehubungan dengan itu sila patuhi arahan yang telah dikeluarkan agar tidak ada lagi kelewatan dalam penghantaran penyata penyesuaian bagi mengelakkan teguran daripada pihak Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sembilan.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN)
Bendahari Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

s.k. Pengarah,
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sembilan